

Bahagian A

[30 markah]

Jawab semua soalan.

Soalan 1 berdasarkan peta topo siri 2280/2/2018. Kaji peta ini dengan teliti sebelum menjawab soalan berikut.


(a) (i) Berapakah bearing klinik (RG 877577) dari sekolah (RG 853616)?

_____ [2 markah]

(ii) Kirakan panjang talian penghantar elektrik antara RG 831620 ke RG868572.

_____ [2 markah]

(b) (i) Apakah jenis pola petempatan yang terdapat di segi empat grid di bawah.



_____ [1 markah]

(ii) Jelaskan faktor yang mempengaruhi pola petempatan dalam segi empat grid di atas.


_____ [3 markah]

(iii) Nyatakan fungsi petempatan di Kampung Tanah Liat di RG8954..

i) _____
ii) _____
iii) _____ [3 markah]

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm
Geografi K2 Pulau Pinang 2023

(c) Cadangkan kegiatan ekonomi yang dapat dimajukan dalam segi empat grid di bawah.



[4 markah]

Soalan 2 berdasarkan Jadual 1 di bawah.

Jadual 1 : Faktor Utama Mempengaruhi Migrasi di Malaysia Pada Tahun 2018

Faktor	Peratus
Kerjaya	37
Mengikut keluarga	24
Pendidikan	18
Perkahwinan	9
Lain-lain	12

Jadual 1

2 a) Berdasarkan Jadual 1, sebuah carta pai untuk menunjukkan faktor utama yang mempengaruhi migrasi di Malaysia pada tahun 2018.
Gunakan jejari 5 cm untuk carta pai anda.
[Sila lukis pada kertas graf]

[7 markah]


b) Merujuk kepada carta pai yang anda telah bina, terangkan dua faktor utama yang mempengaruhi migrasi di Malaysia pada tahun 2018.

[4 markah]

c) Pada pendapat anda, apakah kesan terhadap sosioekonomi sesebuah petempatan yang mengalami pertambahan migran yang tinggi dalam tempoh masa yang pendek?

[4 markah]

Soalan 3 berdasarkan Rajah 1.



Rajah 1

(a) Namakan fenomena cuaca yang berlaku dalam Foto 1.

_____ [1 markah]

(b) Mengapakah banyak haba terperangkap di lapisan atmosfera boleh berlaku?

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____

[3 markah]

(c) Terangkan kesan fenomena cuaca tersebut terhadap penduduk dan alam sekitar.

_____ [3 markah]

(d) Bagaimanakah usaha yang berkesan untuk mengurangkan kejadian fenomena cuaca ini berlaku?

_____ [3 markah]

Soalan 4 berdasarkan Rajah 2.



Rajah 2: Peringkat Aliran Sungai

(a) Namakan peringkat aliran X.

_____ [1 markah]

(b) Apakah tindakan aliran air yang membentuk bentuk muka bumi di peringkat X?

_____ [1 markah]

(b) Nyatakan dua pandang darat fizikal yang terdapat di peringkat Y.

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

(c) Terangkan faktor pembentukan bentuk muka bumi yang terdapat di muara peringkat Z.

[3 markah]

(d) Mengapakah langkah kelestarian perlu dilaksanakan di kawasan X, Y dan Z?

[3 markah]

Soalan 5 berdasarkan keratan akhbar di bawah.



31 Disember 2020,
Bangkai harimau belang dan
gading gajah yang dirampas di
Kampung Bukit Tok Che Dol,
Tanah Merah, Kelantan.

Sumber : My Metro

(a) Apakah kegiatan yang dikaitkan dengan sumber di atas?

_____ [1 markah]

(b) Mengapakah kegiatan ini semakin berleluasa di Malaysia?

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____

[3 markah]

(c) Terangkan kesan kegiatan ini tanpa kawalan terhadap ekosistem.

[3 markah]

(d) Cadangkan usaha yang dapat membanteras aktiviti ini pada masa akan datang.

[3 markah]

Bahagian C
[40 markah]

Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.

Soalan 6 berdasarkan sumber media di bawah.



Kejadian tanah runtuh di tapak perkhemahan Father's Organic Farm di Batang Kali dekat sini pada 16 Disember 2022 merupakan kejadian kedua terbesar melibatkan jumlah mangsa maut selepas runtuhannya Kondominium Highland Towers pada 1992 yang mengorbankan 48 nyawa.

Tragedi pada kira-kira pukul 2.30 pagi 16 Dis itu, membabitkan 92 mangsa, dengan 61 daripadanya terselamat manakala 31 lagi terkorban, selepas berlaku runtuhannya tanah hingga menimbus kawasan perkhemahan.

Sumber : Astro Awani

(a) Mengapakah kejadian tersebut kerap berlaku di Malaysia?

[6 markah]

(b) Sekiranya kejadian ini terus berlaku secara kerap, jelaskan kesannya terhadap alam sekitar.

[6 markah]

(c) Jika anda seorang pemimpin di kawasan anda, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengelakkan kejadian tersebut daripada berulang?

[8 markah]

7 (a) Di atas Peta 1, di halaman **11**, namakan :

- (i) Tumbuhan-tumbuhan di **P**
- (ii) Tumbuh-tumbuhan di **Q**
- (iii) Hutan di **R**
- (iv) Hutan di **S**

[4 *markah*]

Foto 1 dan 2 menunjukkan jenis hutan.



Foto 1



Foto 2

(b) Bandingkan ciri-ciri tumbuh-tumbuhan semula jadi di Foto 1 dan Foto 2.

[6 *markah*]


(c) Mengapakah tumbuh-tumbuhan semula jadi di Foto 1 perlu dikekalkan di negara Malaysia?

[6 *markah*]


(d) Cadangkan langkah pengurusan hutan oleh agensi Kerajaan yang dapat mengekalkan keluasan hutan di Malaysia.

[4 *markah*]

Soalan 8 berdasarkan Rajah 4 dan 5.



Rajah 4 : Piramid Penduduk Negara P



Rajah 5 : Piramid Penduduk Negara Q

- (a) Bandingkan ciri-ciri demografi antara Negara P dan Negara Q. [5 markah]
- (b) Terangkan usaha pembangunan Negara Q yang boleh dicontohi oleh Negara P. [5 markah]
- (c) Jelaskan faktor yang mempengaruhi kadar kematian di Negara P. [4 markah]
- (d) Pada pendapat anda, wajarkah kerajaan Negara Q melaksanakan dasar kependudukan untuk meningkatkan kadar kelahiran? [6 markah]

Soalan 9 berdasarkan maklumat dan foto di bawah.



Pelancongan melawat ke tempat-tempat yang mempunyai keunikan budaya dan warisan sejarah masyarakat dan negara.


- (a) Jelaskan faktor kemanusiaan yang mempengaruhi jenis pelancongan tersebut di Malaysia. [4 markah]
- (b) Selain jenis pelancongan di atas, cadangkan satu jenis pelancongan lain yang berpotensi dimajukan di Malaysia. [6 markah]
- (c) Mengapakah sektor pelancongan penting dalam pembangunan negara? [6 markah]
- (d) Kemukakan usaha yang dapat memajukan industri pelancongan di Malaysia. [4 markah]

No. Kad Pengenalan : _____
Angka Giliran : _____

GEOGRAFI KERTAS 2

Peta 1 untuk Soalan No. 7 (a)

(Hendaklah diikat bersama-sama dengan buku jawapan)



Peta 1

P	
Q	

R	
S	